

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS  
(N13 KUANG)**

**TAJUK : TANAH PERKUBURAN CINA**

201. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- Nyatakan jumlah tanah perkuburan Cina di Selangor mengikut daerah.
- Apakah bantuan Kerajaan Negeri untuk memastikan tanah perkuburan terurus dengan sempurna?

**JAWAPAN:**

- Kerajaan Negeri melalui PLANMalaysia@Selangor telah menyediakan Laporan Inventori Tanah Perkuburan Negeri Selangor, 2010. Berdasarkan laporan tersebut, sebanyak 96 tapak perkuburan Cina telah dikenalpasti dan pembahagiannya mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL.	DAERAH	JUMLAH (LOT)
1.	Petaling	11
2.	Klang	10
3.	Gombak	15
4.	Hulu Langat	17
5.	Sepang	5
6.	Kuala Langat	8
7.	Kuala Selangor	5
8.	Hulu Selangor	19
9.	Sabak Bernam	6
	<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>96</b>

Pihak Kerajaan Negeri juga turut menyediakan tapak perkuburan wilayah bersepadu (PWB) untuk menampung keperluan dan permintaan tapak perkuburan Cina.

- Dalam memastikan tanah-tanah perkuburan tersusun dan sempurna, Kerajaan Negeri mempunyai Akaun Amanah Perkuburan Negeri Selangor bagi mengurus dan membangunkan tanah-tanah perkuburan. Permohonan peruntukan melalui

Akaun Amanah ini boleh dibuat melalui Pejabat Tanah dan Daerah atau Pihak Berkuasa Tempatan bagi melaksanakan kerja-kerja yang berkenaan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS  
(N13 KUANG)**

**TAJUK : PASAR BASAH**

202. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- Senaraikan semua pasar basah yang terdapat di Selangor mengikut PBT.
  - Apakah pelan jangka masa panjang Kerajaan Negeri untuk penyediaan pasar basah yang selesa dan efisen?
  - Nyatakan jumlah peruntukan bagi menaiktaraf pasar basah dari 2014-2017 mengikut PBT.

**JAWAPAN:**

- a) Jumlah pasar basah yang terdapat di Negeri Selangor adalah sebanyak 70 buah pasar. Perincian mengikut PBT adalah seperti berikut:

<b>PBT</b>	<b>JUMLAH PASAR BASAH</b>
MBSA	6
MBPJ	8
MPK	4
MPAJ	5
MPSJ	5
MPS	5
MPKJ	7
MPSp	4
MDKL	5
MDHS	6
MDKS	7
MDSB	8
<b>JUMLAH</b>	<b>70</b>

- b) Pelan jangka masa panjang Kerajaan Negeri untuk penyediaan pasar basah yang selesa dan efisen adalah:
- Perancangan untuk pembinaan pasar moden dan pasar rakyat;
  - Pemantauan harian ke atas kerja-kerja yang dijalankan oleh kontraktor pembersihan;

- 3) Menyediaan mesin kompos di pasar-pasar PBT bagi mengurangkan penghasilan sampah;
  - 4) Menjalankan tindakan penguatkuasaan bagi pematuhan lesen perniagaan;
  - 5) Menjalankan aktiviti gotong-royong Bersama-sama peniaga;
  - 6) Penyediaan pusat penyembelihan berpusat bagi memberi keselesaan kepada pengunjung; dan
  - 7) Menyediakan peruntukan bagi penyelenggaraan pasar-pasar yang telah dibina.
- c) Jumlah peruntukan bagi menaiktaraf pasar basah dari 2014-2017 mengikut PBT adalah seperti berikut:

PBT	<b>JUMLAH PERUNTUKAN NAIKTARAF PASAR BASAH (RM)</b>				<b>JUMLAH (RM)</b>
	<b>2014</b>	<b>2015</b>	<b>2016</b>	<b>2017</b>	
MBSA	-		1,330,7666.4	-	13,307,666.40
MBPJ	-	3,510,000.00	1,700,000.00	2,300,000.00	7,510,000.00
MPK	-	-	300,000.00	-	300,000.00
MPAJ	-		5,530,000.00	5,530,000.00	11,060,00.00
MPSJ	125,561.00	-	-	-	125,561.00
MPS	50,712.00	143,190.00	444,326.00	257,921.76	896,149.76
MPKJ	100,000.00	100,000.00	200,000.00	200,000.00	600,000.00
MPSp	695,500.00	777,353.00	100,000.00	200,000.00	1,772,853.00
MDKL	19,994.00	324,992.00	323,101.42	708,904.96	1,376,992.38
MDHS	50,000	50,000	50,000	300,000	450,000.00
MDKS	100,000.00	100,000.00	200,000.00	400,000.00	800,000.00
MDSB	158,862.73	208,532.70	128,436.50	43,208.00	539,039.93

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS  
(N13 KUANG)**

**TAJUK : LOKASI TUMPUAN PELANCONG**

203. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- Senaraikan lokasi-lokasi tumpuan pelancong di Selangor.
- Nyatakan jumlah perbelanjaan Kerajaan Negeri bagi mengindahkan lokasi tumpuan pelancong tersebut dari 2014-2017.

**JAWAPAN:**

- Berikut merupakan lokasi-lokasi utama tumpuan pelancong di Negeri Selangor:-
  - Kuala Selangor (Bukit Melawati, Kelip2 Kg Kuantan)
  - Sekinchan
  - Batu Caves
  - Bandar Diraja Klang
  - Taman Eko Rimba Kanching
  - Kuala Kubu Bharu, Hulu Selangor
  - Kuala Langat (Pantai Morib, Jugra, Mah Meri Cultural Village, Tanjung Sepat)
  - Sunway Lagoon
  - Pantai Bagan Lalang Sepang
  - Shah Alam (Masjid Biru, i-City,)
- Jumlah perbelanjaan Kerajaan Negeri bagi mengindahkan lokasi tumpuan pelancong tersebut dari 2014-2017 adalah seperti berikut:-

<b>Bil</b>	<b>Nama Kawasan Pelancongan</b>	<b>2014 (RM)</b>	<b>2015 (RM)</b>	<b>2016 (RM)</b>	<b>2017 (RM)</b>
1	Kuala Selangor	463,780.00	40,054.00	83,449.50	-
2	Sekinchan	149,029.22	-	79,880.00	-
3	Batu Caves	-	-	-	-
4	Bandar Diraja Klang	-	-	-	-
5	Taman Eko Rimba	-	-	-	-

<b>Bil</b>	<b>Nama Kawasan Pelancongan</b>	<b>2014 (RM)</b>	<b>2015 (RM)</b>	<b>2016 (RM)</b>	<b>2017 (RM)</b>
	Kanching				
6	Kuala Kubu Bharu	-	-	120,000.00	-
7	Kuala Langat	93,860.00	-	369,318.14	-
8	Sunway Lagoon	-	-	-	-
9	Pantai Bagan Lalang Sepang	82,000.00	145,958.00	-	-
10	Shah Alam	-	100,000.00	-	-

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS  
(N13 KUANG)**

**TAJUK : PRESTASI PERBELANJAAN JABATAN PERHUTANAN NEGERI SELANGOR**

204. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan secara terperinci prestasi perbelanjaan pembangunan Jabatan Perhutanan yang diumumkan dalam Bajet Selangor 2017.
- b) Sejauhmanakah perbelanjaan tersebut dapat meningkat kualiti perkhidmatan Jabatan Perhutanan Negeri Selangor?

**JAWAPAN:**

- a) Jumlah peruntukan kewangan bagi projek pembangunan (P10) tahun 2017 yang diterima oleh JPNS adalah RM7 juta. Prestasi kewangan yang telah dibuat pembayaran atau perbelanjaan sehingga 27 Oktober 2017 adalah 68.58% dan tidak termasuk tanggungan. Berdasarkan tindakan terkini, pihak JPNS yakin bahawa jumlah prestasi perbelanjaan pembangunan (P10) sehingga berakhir tahun 2017 akan mencapai sasaran KPI yang telah ditetapkan iaitu melebihi 96%.
- b) Berdasarkan bajet pembangunan (P10), prestasi peningkatan kualiti perkhidmatan JPNS kepada pelanggan-pelanggan JPNS iaitu pihak Kerajaan Negeri, Jabatan/agensi, NGO dan masyarakat adalah semakin bertambah baik.

Asas utama program dan projek yang diwujudkan di dalam bajet pembangunan (P10) adalah berdasarkan kepada objektif dan strategik JPNS di dalam memacu komitmen, misi dan wawasan JPNS untuk menjadi agensi terunggul dalam pengurusan hutan tropika secara berkekalan. Secara keseluruhannya, prestasi kualiti perkhidmatan JPNS adalah begitu cemerlang berdasarkan kepada pelbagai kejayaan dan pengiktirafan yang telah dicapai.

Di dalam penentuan pencapaian dan pengiktirafan Pengurusan Hutan Secara Berkekalan, terdapat dua (2) kaedah penilaian yang sedang dilaksanakan iaitu pengauditan pematuhan kepada Kriteria dan Petunjuk Malaysia (MC&I) bagi FMU Selangor dan Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2008. Bagi kedua-dua pengauditan ini, JPNS adalah merupakan negeri pertama yang dapat mengekalkan kejayaan mendapat Zero Cars di dalam MC&I dan Pematuhan

Tanpa Ketakakuran di dalam Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2008 bagi lima (5) tahun berturut-turut bermula dari tahun 2012 hingga 2016.

Di dalam pengurusan Hutan Paya Laut, berdasarkan rekod JPNS, jumlah bilangan pokok-pokok bakau dan spesies-spesies pokok yang bersesuaian yang telah ditanam semenjak 2016 sehingga 2017 adalah berjumlah sebanyak 376,720.00. Berdasarkan komitmen tersebut, DYMM Sultan Selangor bersama DYTM Raja Muda Selangor telah mencemar duli bagi merasmikan Program Tanam Pokok bersempena Hari Hutan Antarabangsa Tahun 2017 di Taman Alam Kuala Selangor. Acara bersejarah ini melibatkan penyertaan masyarakat seramai 1,500 orang dengan jumlah tanaman sebanyak 5,000 pokok bakau. Selain itu, DYTM Raja Muda Selangor juga telah mencemar duli bagi melakukan penanaman pokok bakau di Pulau Klang pada 16 April 2017.

Di dalam pengurusan Hutan Paya Gambut, Hutan Simpan Paya Gambut Selangor Utara telah dipilih oleh Kerajaan Malaysia sebagai projek perintis bagi *Asean Peatland Forest Project* (APFP) yang mendapat dana pembiayaan daripada *International Fund for Agricultural Development* (IFAD) yang merupakan salah satu agensi pertubuhan di dalam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB). Pelbagai program dan aktiviti telah dijalankan dan menarik minat pelbagai agensi kerajaan/swasta/NGO termasuk dari dalam dan luar negara untuk mengambil bahagian di dalam projek pemuliharaan, pengurusan dan penanaman pokok di kawasan tersebut.

Seterusnya, projek ini telah dijadikan sebagai model pengurusan dan pemuliharaan hutan paya gambut bagi negara ASEAN. Kejayaan program ini telah menarik minat pihak Royal Commonwealth Society untuk menjadikan HS Raja Musa sebagai salah satu *Queen Commonwealth Canopy Initiative* di antara Negara-Negara Komanwel. Sehubungan dengan itu, HS Raja Musa telah dipilih sebagai salah satu destinasi larian baton Sukan Komanwel 2018, Gold Coast, Australia.

Pada tahun 2013, Hutan Paya Gambut juga telah menjadi pilihan DYTM Raja Muda Selangor untuk mencemar duli melakukan penanaman pokok bersempena Hari Hutan Antarabangsa Tahun 2013. Di samping itu, terdapat beberapa orang kenamaan dan VVIP terdiri dari negara ini dan seluruh dunia seperti delegasi-delegasi dari Negara-negara Kesatuan Eropah, Jepun, Korea dan ASEAN datang bagi menyaksikan sendiri kejayaan pengurusan hutan paya gambut dan turut mengambil bahagian di dalam program penanaman pokok dan sebagainya. Kecemerlangan ini juga telah menarik minat penyumbang dana pertubuhan dunia

*International Fund for Agricultural Development* (IFAD) untuk meneruskan kesinambungan projek tersebut melalui projek yang bertajuk **Sustainable Management of Peatland Ecosystem in Malaysia**.

Di dalam pengurusan kewangan (Indeks Akauntabiliti), pihak JPNS telah mendapat anugerah dalam tiga (3) tahun berturut-turut iaitu pada tahun 2014, 2015 dan 2016. Selain itu, JPNS juga merupakan agensi di dalam jabatan yang menjadi penyumbang utama di dalam kutipan hasil dan secara konsisten bermula tahun 2014 sehingga 2016 dengan anggaran kutipan hasil kewangan berjumlah RM70 juta.

Pencapaian terkini juga, pihak JPNS merupakan adalah merupakan antara tiga (3) agensi jabatan di Negeri Selangor yang mengaplikasikan penggunaan *Digital Document Management System* (DDMS) di dalam Sistem Pengurusan Rekod Elektronik Kerajaan di Negeri Selangor. Manakala bagi Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia dan jabatan/agensi di bawah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE), JPNS adalah merupakan Jabatan Perhutanan pertama yang mengaplikasi penggunaan sistem ini dan menjadi di antara 30 jabatan/agensi yang menjadi perinitis kepada program ini di seluruh negara.

Jabatan Perhutanan Negeri Selangor juga telah menyediakan pelbagai dokumen berkaitan perancangan dan pengurusan hutan selaras dengan keperluan dan kehendak standard yang telah ditetapkan diperingkat nasional dan antarabangsa. Di antara dokumen-dokumen tersebut yang masih berkuatkuasa adalah seperti berikut :

- i. Rancangan Pengurusan Hutan Negeri Selangor 2011-2020;
- ii. Rancangan Kerja Hutan Paya Laut 2009 – 2019;
- iii. Rancangan Pengurusan Hutan Taman Warisan Negeri Selangor 2011-2020;
- iv. Rancangan Pengurusan Hutan Tadahan Air Negeri Selangor 2013-2022;
- v. *Integrated Management Plan For North Selangor Peat Swamp Forest 2014-2023*;
- vi. Rancangan Pengurusan Hutan Simpan Kota Damansara;
- vii. Rancangan Pengurusan Hutan Mempunyai Nilai Pemeliharaan Yang Tinggi (HCVF) di Negeri Selangor;
- viii. Penghasilan Kuantiti dan Kos Air Mentah dari kawasan Hutan Tadahan Air di Negeri Selangor 2014;
- ix. Rancangan Tahunan Hutan di setiap Daerah;
- x. Rancangan Pengurusan Hutan Taman Eko-Rimba 2016-2025;

- xi. Kajian Inventori Hutan Simpanan Hutan Dara & Anggaran Ekonomi Negeri Selangor Darul Ehsan 2012;
- xii. Orchidea Selangoreana : Wild Orchids of Selangor 2014;
- xiii. Penilaian Penglibatan Komuniti Setempat: Terhadap Program dan Pemuliharaan Hutan Paya Gambut di Selangor 2014;
- xiv. Pelan Pembangunan Hutan Lipur Sungai Tua Selangor Darul Ehsan 2015;
- xv. Pelan Tindakan Pembangunan Semula Ampang Look Out Point 2016;
- xvi. Rancangan Pengurusan Hidrologi Hutan Paya Gambut Selangor Utara, Selangor 2016-2016;
- xvii. Pelan Pengurusan Kebakaran Hutan Bagi Hutan Simpan Kuala Langat Utara dan Hutan Simpan Kuala Langat Selatan 2017 - 2021;
- xviii. Rancangan Pengurusan Central Forest Spine 2017-2027 (deraf akhir); dan
- xix. Rancangan Pengurusan dan Pemuliharaan Kawasan Hutan bagi Aktiviti Pengkuarian di dalam Hutan Simpanan Kekal 2020-2050 (deraf awal).

Kesemua dokumen di atas adalah amat berguna dan penting sebagai panduan di dalam mencapai Visi, Misi dan Objektif Pengurusan Hutan Secara Berkekalan di Negeri Selangor dan penyampaian maklumat tentang pengurusan hutan di Negeri Selangor yang dilaksanakan oleh Jabatan Perhutanan Negeri Selangor.

Maka, berdasarkan kepada beberapa pencapaian cemerlang di atas dan beberapa kejayaan-kejayaan lain yang tidak dinyatakan seperti di atas, perbelanjaan daripada peruntukan kewangan merupakan salah satu elemen terpenting di dalam merangka strategik pengurusan dan pelaksanaan setiap aktiviti di dalam projek. Hasil daripada pengurusan dan pelaksanaan yang mantap dan berhemah telah dapat mencapai piagam pelanggan dan seterusnya meningkatkan kualiti perkhidmatan JPNS seluruhnya.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS  
(N13 KUANG)**

**TAJUK : LAMPU LALULINTAS PERSIMPANGAN SUNGAI BAKAU - BANDAR  
TASIK PUTERI - KAWASAN PERINDUSTRIAN KUNDANG**

205. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perancangan Kerajaan Negeri bagi mengatasi kemalangan yang sering berlaku dan kesesakan ketika waktu puncak di persimpangan ini?

**JAWAPAN:**

- a) Kerja-kerja menaiktaraf Jalan B27 menjadi 2 lorong 2 hala bagi mengatasi kesesakan sedang dilaksanakan secara berfasa bermula dari simpang Kg Sg Bakau ke Simpang Glomac. Kerja-kerja menaiktaraf Jalan B27 dijangka siap sehingga tempoh kontrak 22 Mac 2018.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS  
(N13 KUANG)**

**TAJUK : JENJANTAS DI LALUAN JALAN KUANG UNTUK PELAJAR SEKOLAH**

206. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perancangan Kerajaan Negeri bagi meningkatkan tahap keselamatan pelajar lalu lintas di hadapan SK Kuang, SK Seri Kundang dan SMK Seri Kundang yang berhadapan dengan laluan besar?

**JAWAPAN:**

**MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG**

- a) Jalan hadapan SK Kuang adalah merupakan ROW JKR. Manakala jalan hadapan SMK Seri Kundang dan SK Seri Kundang pula di bawah ROW MPS. Jalan ini merupakan *single carriageway* pergi dan balik dengan purata kelebaran 7 meter yang menghubungkan Kg Melayu Sri Kundang dan Kg Permata. Untuk makluman, pihak MPS telah melaksanakan kerja-kerja menambahbaik jalan tersebut menggunakan peruntukan MARRIS pada tahun 2016. Kerja-kerja penambahbaikan termasuk kerja-kerja menurap semula jalan dan pemasangan perabot jalan. Oleh yang demikian, pembinaan jejantas buat masa ini tiada keperluan mendesak memandangkan kesesuaian dan kelebaran jalan di lokasi.

**JABATAN KERJA RAYA NEGERI SELANGOR**

- a) Jalan hadapan SK Kuang adalah Jalan B25 di bawah penyenggaraan JKR. Laluan tersebut merupakan *single carriageway* (2 lorong 1 hala). Kerja-kerja membaiki jalan dan menaiktaraf aspek keselamatan telah dilaksanakan secara berkala setiap tahun. Laluan lintasan pejalan kaki berlampaui isyarat juga telah disediakan bagi memastikan pelajar sekolah dapat melintas jalan tersebut dengan selamat. Oleh itu, tidak terdapat keperluan mendesak untuk membina jejantas pejalan kaki buat masa ini.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN JAKIRAN BIN JACOMAH  
(N10 BUKIT MELAWATI)**

**TAJUK : SEKOLAH SWASTA**

207. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan semua sekolah swasta dan jumlah murid di Selangor mengikut daerah?
- b) Apakah bidang kuasa Kerajaan Negeri kepada sekolah-sekolah swasta tersebut?

**JAWAPAN:**

- a) Senarai sekolah swasta dan jumlah murid di Selangor mengikut daerah seperti di Lampiran A.
- b) Kerajaan Negeri tidak mempunyai bidang kuasa kepada sekolah-sekolah tersebut. Namun begitu kerajaan Negeri sentiasa terbuka untuk memberi pelbagai bantuan kepada sekolah-sekolah ini.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN JAKIRAN BIN JACOMAH  
(N10 BUKIT MELAWATI)**

**TAJUK : PRESTASI PERBELANJAAN JABATAN PERTANIAN NEGERI SELANGOR**

208. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan secara terperinci prestasi perbelanjaan pembangunan jabatan pertanian yang diumumkan dalam Bajet Selangor 2017.
- b) Sejauhmanakah perbelanjaan tersebut dapat meningkatkan kualiti perkhidmatan Jabatan Pertanian Negeri Selangor?

**JAWAPAN:**

- a) Jabatan Pertanian Negeri Selangor telah diperuntukkan sebanyak RM18 juta jumlah peruntukan bagi tahun 2017. Jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan sehingga 26 Oktober 2017 adalah RM15.59 juta (86.62 peratus).
- b) Melalui jumlah tersebut, Jabatan Pertanian dapat memberikan perkhidmatan yang lebih baik bagi membangunkan sektor pertanian di Selangor. Terdapat 14 fokus utama pembangunan Jabatan Pertanian yang akan ditumpukan antaranya pembangunan industri padi, pembangunan TKPM, pembangunan tanaman kelapa, buah-buahan, sayur-sayuran, bunga-bungaan dan cendawan, pembangunan industri lebah dan kelulut, pembangunan industri asas tani, pembangunan golongan sasar dan kawalan makhluk perosak.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN JAKIRAN BIN JACOMAH  
(N10 BUKIT MELAWATI)**

**TAJUK : HADIAH PENGAJIAN IPT**

209. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah penerima dan jumlah pemberian Hadiah Pengajian IPT dari 2014-2017.
- b) Nyatakan jumlah kemasukan anak Selangor ke IPT dari 2014-2017.

**JAWAPAN:**

- a) Jumlah penerima Hadiah Pengajian IPT dari tahun 2014 hingga 2017 ialah sebanyak 24,819 orang dan jumlah pemberian sebanyak RM1,000.00 seorang dan jumlah keseluruhan dari 2014 hingga 2017 ialah RM24,819,000.00.
- b) Pentadbiran ini tiada jumlah spesifik berkaitan jumlah kemasukan anak Selangor yang menyambung pelajaran ke peringkat IPT namun berdasarkan rekod permohonan Hadiah Pengajian IPT dari tahun 2014 hingga 2017 ialah sebanyak 24,819 orang.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN JAKIRAN BIN JACOMAH  
(N10 BUKIT MELAWATI)**

**TAJUK : JETI NELAYAN**

210. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- Nyatakan jumlah jeti nelayan yang berdaftar dan tidak berdaftar di Selangor.
- Apakah inisiatif Kerajaan Negeri untuk memastikan jeti nelayan selamat dan tidak uzur?
- Nyatakan jumlah perbelanjaan bagi memperbaiki jeti nelayan dari 2014-2017.

**JAWAPAN:**

- LUAS masih belum mendaftarkan mana-mana jeti nelayan di dalam Negeri Selangor kerana jeti-jeti yang sedia ada ini masih belum mengemukakan maklumat bagi penggunaan tanah untuk pengeluaran lesen LUAS.

Jeti-jeti nelayan yang dibina di atas tanah kerajaan perlu mendapatkan kelulusan tanah sama ada Lesen Pendudukan Sementara (LPS) atau secara pajakan tanah daripada Pejabat Tanah. Lesen LUAS hanya akan dikeluarkan apabila kelulusan penggunaan tanah diperoleh.

Bancian semula jeti nelayan di dalam Negeri Selangor yang dijalankan oleh LUAS mendapati terdapat 969 buah jeti nelayan.

- Kerajaan Negeri telah meluluskan Pelan Tindakan Pengurusan Jeti Negeri Selangor melalui Mesyuarat MMKN Bil 21/2015 pada 1 Julai 2015 di mana pelaksanaan pelan tindakan adalah seperti berikut:
  - Perobohan bagi jeti yang ditinggalkan atau tidak memenuhi kriteria;
  - Penambahbaikan atau menaiktaraf jeti yang mempunyai potensi dan memenuhi kriteria;
  - Pengurangan bilangan jeti bagi kawasan yang telah mencapai kapasiti maksimum; dan

- iv. Pengawalan pembinaan jeti baru melalui Jawatankuasa Pengurusan Jeti Negeri Selangor yang dipengerusikan oleh Pengarah LUAS selaras dengan Seksyen 43, Enakmen LUAS, 1999.
- c) Kerajaan Negeri tidak menyediakan peruntukan bagi membaiki dan menaiktaraf jeti nelayan bagi tahun 2014-2017. Walau bagaimanapun, satu peruntukan khas iaitu sebanyak RM3.1 juta telah disalurkan kepada Jeti Nelayan Tanjung Sepat pada tahun 2016.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN JAKIRAN BIN JACOMAH  
(N10 BUKIT MELAWATI)**

**TAJUK : HOSPITAL DAN KLINIK**

211. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- Nyatakan jumlah terkini hospital, klinik kerajaan dan klinik swasta di Selangor mengikut daerah.
- Nyatakan jumlah program Kerajaan Negeri bersama hospital 2014-2017.

**JAWAPAN:**

- Jumlah terkini hospital Kerajaan yang terdapat di Negeri Selangor adalah sebanyak 12 buah iaitu seperti senarai berikut :

<b>DAERAH</b>	<b>HOSPITAL</b>
Petaling	Hospital Shah Alam
Klang	Hospital Tengku Ampuan Rahimah
Hulu Langat	Hospital Kajang Hospital Ampang
Gombak	Hospital Sungai Buloh Hospital Selayang Hospital Orang Asli Gombak
Sepang	Hospital Serdang
Kuala Langat	Hospital Banting
Kuala Selangor	Hospital Tanjung Karang
Hulu Selangor	Hospital Kuala Kubu Baru
Sabak Bernam	Hospital Tengku Ampuan Jemaah

Jumlah klinik kerajaan di Selangor adalah sebanyak 271 buah dan pecahan mengikut daerah adalah seperti di Lampiran 1 manakala jumlah hospital swasta adalah sebanyak 55 buah dan jumlah klinik swasta adalah sebanyak 1979 buah seperti yang dinyatakan pada Lampiran 2.

- Kerajaan Negeri telah melaksanakan Program Ziarah Medik ke hospital-hospital untuk menziarah serta memberi semangat dan sokongan kepada para pesakit serta memberi sumbangan berbentuk barang kesihatan. Sebanyak 9 buah

hospital yang telah di lawati sejak tahun 2014 hingga tahun 2017. Berikut adalah senarai hospital yang terlibat:

1. Hospital Ampang, Hulu Langat (2014, 2017)
2. Hospital Tanjong Karang, Kuala Selangor (2014, 2017)
3. Hospital Sungai Buloh, Petaling (2014, 2016)
4. Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang (2014, 2016, 2017)
5. Hospital Banting, Kuala Langat (2015, 2016,
6. Hospital Kajang, Hulu Langat (2015, 2017)
7. Hospital Kuala Kubu Bharu, Hulu Selangor (2015, 2017)
8. Hospital Tengku Ampuan Jemaah, Sabak Bernam (2016)
9. Hospital Shah Alam, Petaling (2016)

## Klinik / Fasiliti Kesihatan Kerajaan

## LAMPIRAN 1

Bil No	Pejabat Kesihatan Daerah <i>District Health Office</i>	Pejabat Kesihatan Pintu Masuk <i>Entry Point Health Office</i>			Klinik Kesihatan Health Clinic	Klinik 1Malaysia 1Malaysia Clinic	Klinik Kesihatan Ibu & Anak <i>Maternal And Child Health Clinic</i>	Klinik Desa <i>Community Clinic</i>	Klinik Bergerak 1Malaysia <i>Mobile Clinic (1Malaysia)</i>	Klinik Bergerak (Pasukan) <i>Mobile Clinic (Teams)</i>	Perkhidmatan Doktor Udara <i>Flying Doctor Service</i>	Pintu Masuk Antarabangsa <i>International Entry Point</i>			Jumlah Total	
		Darat <i>Land</i>	Pelabuhan <i>Port</i>	Lapangan Terbang <i>Airport</i>								Darat <i>Land</i>	Udara <i>Air</i>	Laut <i>Sea</i>		
1	Gombak	1	-	-	-	10	6	1	4	-	1	-	-	-	-	23
2	Hulu Langat	1	-	-	-	11	8	2	12	-	2	-	-	-	-	36
3	Hulu Selangor	1	-	-	-	6	5	2	12	2	1	-	-	-	-	29
4	Klang	1	-	1	-	12	5	-	16	-	2	-	-	-	1	38
5	Kuala Langat	1	-	-	-	10	2	0	18	-	3	-	-	-	-	34
6	Kuala Selangor	1	-	-	-	7	3	-	20	-	-	-	-	-	-	31
7	Petaling	1	-	-	-	9	13	-	3	-	2	-	-	-	-	28
8	Sabak Bernam	1	-	-	-	8	1	0	21	-	-	-	-	-	-	31
9	Sepang	1	-	-	1	4	4	-	9	-	-	-	-	2	-	21
<b>Jumlah</b>		<b>9</b>	<b>0</b>	<b>1</b>	<b>1</b>	<b>77</b>	<b>47</b>	<b>5</b>	<b>115</b>	<b>2</b>	<b>11</b>	<b>0</b>	<b>0</b>	<b>2</b>	<b>1</b>	<b>271</b>

**LAMPIRAN 2****Hospital dan Klinik Swasta**

<b>DAERAH</b>	<b>JUMLAH HOSPITAL SWASTA (TARIKH KEMASKINI - 27/9/17)</b>	<b>JUMLAH KLINIK PERUBATAN SWASTA (TARIKH KEMASIKINI 30/6/17)</b>
<b>GOMBAK</b>	4	164
<b>HULU LANGAT</b>	10	336
<b>KLANG</b>	13	326
<b>KUALA LANGAT</b>	1	65
<b>KUALA SELANGOR</b>	1	47
<b>PETALING</b>	26	950
<b>SEPANG</b>	0	51
<b>SABAK BERNAM</b>	0	13
<b>HULU SELANGOR</b>	0	27
<b>JUMLAH</b>	<b>55</b>	<b>1979</b>

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN JAKIRAN BIN JACOMAH  
(N10 BUKIT MELAWATI)**

**TAJUK : MUZIUM TERBIAR DI SELANGOR**

212. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perkembangan terkini Muzium Sultan Alam Shah, Gedung Raja Abdullah dan pejabat pentadbiran Muzium Kuala Selangor?
- b) Senaraikan peruntukan yang diterima daripada kerajaan persekutuan untuk kerja-kerja menaiktaraf muzium dari 2011 hingga 2017.
- c) Nyatakan kerja-kerja naiktaraf yang telah dilaksanakan terhadap bangunan berkenaan.

**JAWAPAN:**

a) dan c)

Muzium merupakan tempat untuk masyarakat awam mengetahui, mempelajari dan mengenali tamadun peradaban manusia. Ia boleh diibaratkan sebagai gedung ilmu yang menempatkan pelbagai maklumat mengenai sejarah, budaya dan kemasyarakatan. Menyedari akan peri pentingnya usaha untuk mengekalkan institusi muzium di negeri ini maka kerajaan negeri sentiasa peka dan prihatin akan perkembangan muzium-muzium yang terdapat di bawah pengurusan Kerajaan Negeri. PADAT sebagai agensi yang telah dipertanggungjawabkan dalam melaksanakan tugas tersebut telah melakukan pelbagai penambahbaikan terhadap muzium-muzium yang diuruskan oleh PADAT terutamanya dari segi infrastruktur. Senarai penambahbaikan atau naik taraf utama yang telah dilaksanakan dalam masa 5 tahun kebelakangan (2012-2017) adalah seperti berikut:

- i. Muzium Sultan Alam Shah, Shah Alam
  - Kerosakan pada kemasan dinding *facade* MSAS, telah dinaik taraf pada tahun 2014 di bawah peruntukkan pembangunan di bawah P.K 13 RMK KE 10 kod 10041 sebanyak RM419,719.90.
  - Membuat kerja-kerja ubahsuai dan menaiktaraf balai kebudayaan MSAS di bawah kod 10041 sebanyak RM444,140.00
  - Kerja-Kerja naik taraf Balai Pameran Sementara Dan Ruang Lobi Dalaman Muzium Sultan Alam Shah, Shah Alam di bawah kod 10041 sebanyak RM800,000.00

- Menaik taraf lobi antara Bangunan Anggerik dan Muzium Sultan Alam Shah sebanyak RM472,932.82
- ii. Gedung Raja Abdullah, Klang
- Dalam proses lantikan konsultan untuk kerja konservasi (fasa II), baik pulih dan pengisian. Anggaran kos bagi kerja-kerja tersebut adalah sebanyak RM800,000.00 di bawah peruntukan pembangunan di bawah kod 10042.
- iii. Pejabat Pentadbiran Muzium Kuala Selangor
- Satu naik taraf untuk pejabat pentadbiran Muzium Kuala Selangor telah dilakukan pada tahun 2013 yang mana sebahagian daripada Dewan Puncak Melawati telah diubahsuai menjadi Pejabat Pentadbiran Muzium Kuala Selangor. Pejabat pentadbiran tersebut juga turut dilengkapi dengan pelbagai fasiliti pejabat antaranya seperti bilik mesyuarat, ruang pejabat untuk kakitangan, surau, pantry dan lain-lain.
- b) Sebagai salah sebuah agensi yang bertangungjawab untuk menguruskan Muzium Negeri yang terdapat di Malaysia, PADAT juga menerima peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan untuk perbelanjaan di bawah osol 10000 dan 20000. Namun peruntukan yang diterima itu adalah terhad kepada aktiviti permuziuman serta penganjuran program-program muzium sahaja dan ianya tidak boleh digunakan untuk kerja-kerja menaik taraf muzium.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. DATO' HAJI AMIRUDDIN BIN SETRO  
(N12 JERAM)**

**TAJUK : JALAN ROSAK TERUK DI JALAN ACOB DI SEMPADAN DAERAH  
KLANG DAN KUALA SELANGOR**

213. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bilakah jalan berkenaan yang rosak teruk akan di perbaiki atau di turap semula?

**JAWAPAN:**

- a) Lokasi tersebut adalah Jalan Akob dan Jalan Bukit Kerayong (sempadan Kuala Selangor/ pelupusan sampah) yang merupakan jalan di bawah penyelenggaraan Jabatan Kerja Raya Klang. Walau bagaimanapun, kerja pembaikan di Jalan Akob telah siap dilaksanakan pada 20 Oktober 2017, melalui Kontrak Berpusat yang telah dilantik.

Berhubung Jalan di Bukit Kerayong, kerja-kerja membaik pulih sebahagian jalan akan dilaksanakan secara kerja sebutharga pada 09/11/2017 dan dijangka siap sepenuhnya selewat-lewatnya pada 22/12/2017. Jabatan ini juga telah menyenaraikan untuk kerja-kerja baik pulih secara keseluruhan di Jalan Bukit Kerayong pada tahun 2018 melalui pihak Kontraktor Berpusat.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. DATO' HAJI AMIRUDDIN BIN SETRO  
(N12 JERAM)**

**TAJUK : MENARIK TARAF PANTAI REMIS JERAM**

214. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Pantai Remis sedang dinaik taraf ketika ini. Apakah perancangan lain yang sedang diusahakan untuk menambah baik kawasan rekreasi berkenaan?

**JAWAPAN:**

- a) Pihak Majlis telah mengemukakan permohonan kepada Pejabat Tanah/ Daerah Kuala Selangor untuk mendapatkan salinan kelulusan MMKN bagi perwartaan Lot 5934 dan Plot A, Mukim Jeram melalui surat bertarikh 6 Jun 2017, no.rujukan : (36)dlm.MDKS.301/8-2 Jld 2.

Pihak Majlis telah merangka beberapa fasa pembangunan bagi memelihara dan memulihara kawasan Pantai Remis, Jeram supaya dapat dikekalkan sebagai salah satu tarikan pelancong di Daerah ini.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. DATO' HAJI AMIRUDDIN BIN SETRO  
(N12 JERAM)**

**TAJUK : BANTAHAN PEMBINAAN LRT3**

215. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah bantahan yang diterima bagi pembinaan LRT3.
- b) Adakah Kerajaan Negeri telah melakukan perjumpaan dengan kumpulan yang membantah?
- c) Nyatakan jumlah pertemuan di antara Kerajaan Negeri dengan kontraktor yang dilantik.

**JAWAPAN:**

a), b) dan c)

MDKS tiada menerima bantahan bagi pembinaan LRT 3.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. DATO' HAJI AMIRUDDIN BIN SETRO  
(N12 JERAM)**

**TAJUK : PROGRAM BANTUAN FOOD STAMP**

216. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah peserta program tersebut.
- b) Berapakah perbelanjaan bagi melaksanakan program tersebut?
- c) Bagaimanakah Kerajaan Negeri memastikan program ini mencapai kumpulan yang disasarkan?

**JAWAPAN:**

- a) dan b)

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, Program Bantuan Makanan Asas ‘Smart Selangor Food Stamp’ telah diperkenalkan semasa pembentangan Belanjawan 2016 oleh YAB Dato’ Menteri Besar Selangor pada 30 Oktober 2015 yang lalu.

Pemberian bantuan ini diberikan kepada 100 buah keluarga termiskin yang memenuhi kriteria tertentu dan telah dikenalpasti oleh pihak Pusat Khidmat Masyarakat di kawasan masing-masing tanpa mengira bangsa, kaum serta fahaman politik. Jumlah peserta dan perbelanjaan yang telah diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri bagi pelaksanaan program ini adalah seperti berikut :-

<b>TAHUN</b>	<b>JUMLAH PENERIMA</b>	<b>JUMLAH PERBELANJAAN</b>
2016	5,500 buah keluarga	RM2,116,800.00
2017	5,400 buah keluarga	RM3,656,800.00
<b>JUMLAH</b>	<b>10,900 buah keluarga</b>	<b>RM5,773,600.00</b>

- c) Bagi pelaksanaan Program Bantuan Makanan Asas ‘Smart Selangor Food Stamp’, Kerajaan Negeri telah menyediakan keperluan makanan asas iaitu 10kg beras, 1kg gula, 2kg minyak masak, 400gram bijun dan 2 tin susu pekat manis kepada keluarga yang termiskin dari setiap Dewan Undangan Negeri (DUN) yang memenuhi kriteria yang telah ditetapkan.

Bantuan ini diberikan kepada penerima tanpa mengira bangsa, kaum dan fahaman politik. Ianya selaras dengan hasrat Kerajaan Negeri Selangor untuk membantu keluarga miskin dari seluruh Negeri Selangor yang lebih memerlukan bantuan makanan asas serta membantu meringankan kos sara hidup yang kian meningkat.

Bagi memastikan program ini mencapai kumpulan yang disasarkan, Kerajaan Negeri telah mengambil pendekatan agar setiap pemohon harus menepati syarat-syarat kelayakan yang telah ditetapkan seperti berikut:-

- i. Lahir di Selangor **atau** telah bermastautin di Selangor sekurang-kurangnya 10 tahun (perlu pengesahan ADUN/ Penghulu/ Pengerusi JKPK/ Pengerusi Taman);
- ii. Terbuka kepada semua kaum;
- iii. Berpendapatan isi rumah di bawah RM1,500.00 sebulan; dan
- iv. Pengundi di DUN tersebut.

Di samping itu, setiap Yang Berhormat Ahli Dewan Negeri (ADUN) melalui Pusat Khidmat Masyarakat (PKM) di DUN masing-masing diberi tanggungjawab untuk mengenalpasti calon penerima bantuan yang berkelayakan dan memastikan calon tersebut mengemukakan Borang Maklumat Calon Penerima dan salinan-salinan dokumen dengan lengkap serta borang disahkan oleh Yang Berhormat ADUN berkaitan. Pemilihan calon penerima bantuan ini adalah dilakukan oleh Pusat Khidmat Masyarakat di setiap DUN masing-masing. Kerajaan Negeri telah mengambil pendekatan ini bagi memastikan setiap penerima bantuan tergolong daripada kumpulan yang benar-benar memerlukan bantuan dan mencapai kumpulan yang disasarkan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. DATO' HAJI AMIRUDDIN BIN SETRO  
(N12 JERAM)**

**TAJUK : PRESTASI PERBELANJAAN JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR  
(JPV)**

217. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan secara terperinci prestasi perbelanjaan pembangunan JPV yang diumumkan dalam Bajet Selangor 2017.
- b) Sejauhmanakah peruntukan ini dapat membantu Jabatan Veterinar Negeri Selangor?

**JAWAPAN:**

- a) Prestasi perbelanjaan pembangunan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Selangor (DVS Selangor) yang diumumkan dalam Bajet Selangor 2017 sehingga 20 Oktober 2017 adalah seperti dalam Lampiran A.
- b) Peruntukan ini sangat membantu DVS Selangor kerana agensi ini menggunakan strategi - memecahkan peruntukan ini kepada sembilan (9) projek/program pembangunan. Maka itu, perancangannya lebih menyeluruh dan pelaksanaannya lebih fokus bagi membantu usahawan ternakan dan membangunkan industri penternakan di negeri ini. Keterangan lanjut mengenai projek/program pembangunan dalam Bajet Selangor 2017 termasuk tujuan ianya diberanjakan adalah seperti dalam Lampiran B.

**PRESTASI PERBELANJAAN PEMBANGUNAN JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR NEGERI SELANGOR  
SEHINGGA 20 OKTOBER 2017**

BIL	KOD PROJEK	NAMA PROJEK	KOS PROJEK (RM)	PERUNTUKAN RMK11 (RM)	PERUNTUKAN DILULUSKAN TAHUN 2017 (RM)	PINDAH PERUNTUKAN (RM) VIRE-IN	PINDAH PERUNTUKAN (RM) VIRE-OUT	PERUNTUKAN KEMASKINI (RM)	BELANJA / TANGGUNG-AN	BELANJA %	BAKI (RM)
	<b>1000</b>	<b>PEMBANGUNAN KOMODITI TERNAKAN RUMINAN</b>	<b>4,376,000.00</b>	<b>4,376,000.00</b>	<b>1,017,000.00</b>	-	-	<b>1,491,800.00</b>	<b>1,289,311.00</b>	<b>86.43%</b>	<b>202,489.00</b>
1	1001	Skim Pengganda Ternakan	1,568,000.00	1,568,000.00	420,000.00	-	-	420,000.00	363,282.00	86.50%	56,718.00
2	1002	Skim Penternakan Breedlot	810,000.00	810,000.00	180,000.00	474,800.00	-	654,800.00	644,220.00	98.38%	10,580.00
3	1003	Program Merakyatkan Ekonomi Penternakan Ruminan (MES)	1,100,000.00	1,100,000.00	220,000.00	-	-	220,000.00	128,788.00	58.54%	91,212.00
4	1004	Skim Galakan Warisan Ternak	375,000.00	375,000.00	75,000.00	-	-	75,000.00	74,985.00	99.98%	15.00
5	1005	Program Pemakanan Ternakan Ruminan	523,000.00	523,000.00	122,000.00	-	-	122,000.00	78,036.00	63.96%	43,964.00
	<b>2000</b>	<b>PEMBANGUNAN KOMODITI TERNAKAN UNGGAS/ BUKAN</b>	<b>6,500,000.00</b>	<b>3,000,000.00</b>	<b>500,000.00</b>	-	-	<b>205,200.00</b>	<b>205,072.18</b>	<b>99.94%</b>	<b>127.82</b>
6	2001	Transformasi Penternakan Unggas / Bukan Ruminan	1,750,000.00	1,750,000.00	350,000.00	-	221,000.00	129,000.00	128,937.50	99.95%	62.50
7	2002	Pusat Pembibitan Puyuh	4,000,000.00	500,000.00	-	-	-	-	-	0.00%	-
8	2003	Merakyatkan Ekonomi Kepada Penternak Unggas / Bukan Ruminan	750,000.00	750,000.00	150,000.00	-	73,800.00	76,200.00	76,134.68	99.9%	65.32
9	2004	Taman Kekal Pengeluaran Puyuh (TKPP)	-	-	-	-	-	-	-	0.0%	-
	<b>3000</b>	<b>PEMBANGUNAN INDUSTRI ASAS TANI</b>	<b>3,290,000.00</b>	<b>3,290,000.00</b>	<b>715,000.00</b>	-	-	<b>715,000.00</b>	<b>56,119.20</b>	<b>7.85%</b>	<b>658,880.80</b>
10	3001	Peningkatan Pengeluaran Usahawan	1,800,000.00	1,800,000.00	360,000.00	-	-	360,000.00	-	0.00%	360,000.00
11	3002	Pembangunan Usahawan & Produk IAT	470,000.00	470,000.00	100,000.00	-	-	100,000.00	56,119.20	56.12%	43,880.80
12	3003	Inkubator IAT / Makmal R & D IAT	1,020,000.00	1,020,000.00	255,000.00	-	-	255,000.00	-	0.00%	255,000.00

**PRESTASI PERBELANJAAN PEMBANGUNAN JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR NEGERI SELANGOR  
SEHINGGA 20 OKTOBER 2017**

BIL	KOD PROJEK	NAMA PROJEK	KOS PROJEK (RM)	PERUNTUKAN RMK11 (RM)	PERUNTUKAN DILULUSKAN TAHUN 2017 (RM)	PINDAH PERUNTUKAN (RM) VIRE-IN	PINDAH PERUNTUKAN (RM) VIRE-OUT	PERUNTUKAN KEMASKINI (RM)	BELANJA / TANGGUNG-AN	BELANJA %	BAKI (RM)
	<b>4000</b>	<b>KESIHATAN VETERINAR</b>	<b>1,618,000.00</b>	<b>1,618,000.00</b>	<b>500,000.00</b>	-	-	<b>500,000.00</b>	<b>385,458.42</b>	<b>77.09%</b>	<b>114,541.58</b>
13	4001	Program Masyarakat Prihatin Haiwan	648,000.00	648,000.00	100,000.00	-	-	100,000.00	49,869.90	49.87%	50,130.10
14	4002	Epidemiologi Dan Survelan Penyakit Haiwan	300,000.00	300,000.00	100,000.00	-	-	100,000.00	91,441.30	91.44%	8,558.70
15	4003	Pemantapan Ambulatori Dan Klinik Veterinar	670,000.00	670,000.00	300,000.00	-	-	300,000.00	244,147.22	81.38%	55,852.78
	<b>5000</b>	<b>REGULATORI, SPS DAN BIOSEKURITI</b>	<b>10,000,000.00</b>	<b>4,500,000.00</b>	<b>90,000.00</b>	-	-	<b>90,000.00</b>	<b>82,976.10</b>	<b>92.20%</b>	<b>7,023.90</b>
16	5001	Kebajikan Haiwan	300,000.00	300,000.00	70,000.00	-	-	70,000.00	63,226.10	90.32%	6,773.90
17	5002	Penternakan Mesra Alam	700,000.00	700,000.00	20,000.00	-	-	20,000.00	19,750.00	99%	250.00
18	5003	Loji Penyembelihan	9,000,000.00	3,500,000.00	-	-	-	-	-	0.00%	-
	<b>6000</b>	<b>PEMBANGUNAN KOMPETENSI &amp; BIMBINGAN USAHAWAN</b>	<b>3,060,000.00</b>	<b>3,060,000.00</b>	<b>600,000.00</b>	-	-	<b>600,000.00</b>	<b>218,615.10</b>	<b>36.44%</b>	<b>381,384.90</b>
19	6001	Pembangunan Kompetensi Usahawan	500,000.00	500,000.00	100,000.00	-	-	100,000.00	81,442.60	81.44%	18,557.40
20	6002	Program Pengembangan Veterinar	500,000.00	500,000.00	100,000.00	-	-	100,000.00	24,253.00	24%	75,747.00
21	6003	Pemasaran Strategik	2,060,000.00	2,060,000.00	400,000.00	-	-	400,000.00	112,919.50	28.23%	287,080.50
	<b>7000</b>	<b>PEMANTAPAN KUALITI PERKHIDMATAN VETERINAR</b>	<b>13,000,000.00</b>	<b>7,750,000.00</b>	<b>2,100,000.00</b>	-	-	<b>1,420,000.00</b>	<b>448,114.43</b>	<b>31.56%</b>	<b>971,885.57</b>
22	7001	Pejabat dan Kuarters Kakitangan	2,700,000.00	2,200,000.00	1,550,000.00	-	680,000.00	870,000.00	396,141.68	45.53%	473,858.32
23	7002	Hospital Veterinar Di Jalan Bukit, Kajang	10,300,000.00	5,550,000.00	550,000.00	-	-	550,000.00	51,972.75	9.45%	498,027.25
	<b>8000</b>	<b>PEMBANGUNAN TAMAN KEKAL PENGELOUARAN MAKANAN</b>	<b>8,077,000.00</b>	<b>8,077,000.00</b>	<b>1,430,000.00</b>	-	-	<b>1,930,000.00</b>	<b>1,923,575.94</b>	<b>99.67%</b>	<b>6,424.06</b>
24	8001	Pembangunan Prasarana TKPM	1,822,000.00	1,822,000.00	520,000.00	-	-	520,000.00	519,668.89	99.94%	331.11
26	8002	TKPM Ayam Pedaging	2,480,000.00	2,480,000.00	600,000.00	430,000.00	-	1,030,000.00	1,029,961.18	100.00%	38.82

**PRESTASI PERBELANJAAN PEMBANGUNAN JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR NEGERI SELANGOR  
SEHINGGA 20 OKTOBER 2017**

BIL	KOD PROJEK	NAMA PROJEK	KOS PROJEK (RM)	PERUNTUKAN RMK11 (RM)	PERUNTUKAN DILULUSKAN TAHUN 2017 (RM)	PINDAH PERUNTUKAN (RM) VIRE-IN	PINDAH PERUNTUKAN (RM) VIRE-OUT	PERUNTUKAN KEMASKINI (RM)	BELANJA / TANGGUNG-AN	BELANJA %	BAKI (RM)
25	8003	Ladang Ternakan Jabatan Sungai Nilam	3,775,000.00	3,775,000.00	310,000.00	70,000.00	-	380,000.00	373,945.87	98.41%	6,054.13
	<b>9000</b>	<b>PEMBANGUNAN GENETIK TERNAKAN RUMINAN</b>	<b>1,989,000.00</b>	<b>1,989,000.00</b>	<b>523,000.00</b>		-	<b>523,000.00</b>	<b>153,515.00</b>	<b>29.35%</b>	<b>369,485.00</b>
27	9001	Pembangunan Genetik Ternakan Ruminan	1,373,000.00	1,373,000.00	183,000.00	-	-	183,000.00	124,535.00	68.05%	58,465.00
28	9002	Program Pemanian Beradas 'DIY'	616,000.00	616,000.00	340,000.00	-	-	340,000.00	28,980.00	8.52%	311,020.00
	<b>JUMLAH</b>		<b>51,910,000.00</b>	<b>37,660,000.00</b>	<b>7,475,000.00</b>		-	<b>7,475,000.00</b>	<b>4,762,757.37</b>	<b>63.72%</b>	<b>2,712,242.63</b>

**TUJUAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR NEGERI SELANGOR  
TAHUN 2017**

KOD PROJEK	NAMA PROJEK	TUJUAN PROJEK	SKOP PROJEK	KUMPULAN SASAR	BIL. PENERIMA BANTUAN/ PERKHIDMATAN 2017
1000	PEMBANGUNAN KOMODITI TERNAKAN RUMINAN	Mengagihkan bantuan kepada penternak untuk membesarkan projek melalui pelbagai skim.	➤ Pengagihan ternakan, peralatan menternak, bahan binaan ladang dan makanan ternakan melalui Skim Pengganda Ternakan (SPERS), Breedlot, Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES), Warisan Ternak dan Pemakanan Ternakan Ruminan.	Penternak komersial, semi-komersial dan kecil-kecilan	42 orang
2000	PEMBANGUNAN KOMODITI TERNAKAN UNGGAS/ BUKAN RUMINAN	Mengagihkan bantuan kepada penternak untuk membesarkan projek melalui pelbagai skim.	➤ Pengagihan ternakan, peralatan menternak, bahan binaan ladang dan makanan ternakan melalui Transformasi Penternakan Unggas/Bukan Ruminan dan Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES)	Penternak semi-komersial dan kecil-kecilan	19 orang
3000	PEMBANGUNAN INDUSTRI ASAS TANI	Mengagihkan bantuan kepada usahawan untuk membesarkan projek melalui pelbagai skim.	➤ Pengagihan peralatan Industri Asas Ternak (IATn) melalui skim Peningkatan Pengeluaran dan Pembangunan Produk. ➤ Membina satu (1) buah inkubator usahawan IATn.	Usahawan IATn sederhana dan kecil-kecilan	11 orang  Daerah Kuala Langat
4000	KESIHATAN VETERINAR	Mencegah, mengawal dan membasmi penyakit haiwan bagi mewujudkan persekitaran yang kondusif untuk industri penternakan. Memantapkan perkhidmatan klinik haiwan dan ambulansori ke arah mewujudkan masyarakat prihatin haiwan.	➤ Program pengurusan indeks penyakit. ➤ Membina kemudahan kekangan haiwan mudah alih. ➤ Menaiktaraf makmal mini di PVD. ➤ Perolehan peralatan surgeri baharu. ➤ Membangunkan bilik sucihama di PVD.	Penternak dan Pemilik haiwan kesayangan	9 daerah  9 daerah  5 daerah  9 daerah  3 daerah

**Lampiran B**

KOD PROJEK	NAMA PROJEK	TUJUAN PROJEK	SKOP PROJEK	KUMPULAN SASAR	BIL. PENERIMA BANTUAN/PERKHIDMATAN 2017
5000	REGULATORI, SPS DAN BIOSEKURITI	Mempromosikan pematuhan kepada undang-undang dan peraturan-peraturan berkaitan haiwan ke arah penternakan mesra alam dan memelihara kebajikan haiwan.	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Program penerangan Akta Kebajikan Haiwan 2015 kepada para pemegang taruhan dan NGO.</li> <li>➤ Menaiktaraf satu (1) paun tahanan haiwan di PVD.</li> </ul>	Agensi kerajaan, NGO dan pemilik haiwan kesayangan	146 orang  Daerah Petaling
6000	PEMBANGUNAN KOMPETENSI & BIMBINGAN USAHAWAN	Melatih penternak dan usahawan IATn supaya dapat meningkatkan skala projek dan produktiviti.	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Penganjuran lapanbelas (18) sesi latihan.</li> <li>➤ Konvensyen Program Pengembangan Veterinar.</li> <li>➤ Program Pementoran Keusahawanan.</li> <li>➤ Menaiktaraf dua (2) VETMART.</li> <li>➤ Membangunkan ruang promosi usahawan di PVD.</li> </ul>	Penternak dan usahawan IATn	574 orang  150 orang  10 mentee  Daerah Kuala Langat dan Sabak Bernam  9 daerah
7000	PEMANTAPAN KUALITI PERKHIDMATAN VETERINAR	Membina dan menaiktaraf bangunan berkaitan veterinar bagi meningkatkan prestasi perkhidmatan kerajaan dan kemudahan pelanggan.	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Membina satu (1) pejabat baharu di PVD.</li> <li>➤ Kajian kemungkinan membina satu (1) hospital veterinar baharu.</li> </ul>	Kakitangan dan pelanggan DVS	Daerah Hulu Langat  Daerah Hulu Langat
8000	PEMBANGUNAN TAMAN KEKAL PENGELOUARAN MAKANAN	Membangunkan dan menaiktaraf semua TKPM di bawah seliaan DVS dalam usaha menyediakan tempat kepada penternak yang berpotensi dan translokasi.	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Membangunkan satu (1) kandang lembu pedaging di Sg. Nilam.</li> <li>➤ Membangunkan satu (1) kawasan tanaman rumput bersepodu di Jenderam Hulu, Sepang.</li> <li>➤ Membina satu (1) kandang kambing di Sg. Nilam.</li> <li>➤ Menaiktaraf satu (1) jalan ladang di Sg. Tamu.</li> </ul>	Penyewa TKPM	49 orang

**Lampiran B**

KOD PROJEK	NAMA PROJEK	TUJUAN PROJEK	SKOP PROJEK	KUMPULAN SASAR	BIL. PENERIMA BANTUAN/PERKHIDMATAN 2017
			<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Menaiktaraf dua (2) reban ayam di Sepintas.</li> <li>➤ Membina satu (1) kabin dan longkang di Sg. Nilam.</li> <li>➤ Membangunkan Pusat Latihan Teknikal Veterinar Sg. Nilam.</li> <li>➤ Menanam satu (1) kawasan foder jagung.</li> <li>➤ Membina satu (1) stor makanan ternakan.</li> </ul>		
9000	PEMBANGUNAN GENETIK TERNAKAN RUMINAN	Mempromosi, melaksana dan memantau kaedah pembiakan ruminan supaya dapat meningkatkan kadar kelahiran dan kualiti ternakan ruminan tempatan.	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Pewujudan jurusuntik untuk Program Permanian Beradas daripada kalangan penternak (AI-DIY).</li> <li>➤ Pewujudan jurusuntik untuk Program Permanian Beradas daripada kalangan penternak.</li> <li>➤ Penganjuran dua (2) sesi latihan AI untuk penternak.</li> <li>➤ Penganjuran dua (2) sesi latihan AI untuk kakitangan</li> </ul>	Jurusuntik Penternak  Jurusuntik Kakitangan  Penternak  Kakitangan	11 orang  9 orang  30 orang  26 orang

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. DATO' HAJI AMIRUDDIN BIN SETRO  
(N12 JERAM)**

**TAJUK : PROGRAM INTERVENSI AWAL KANAK-KANAK (EIP)**

218. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- Nyatakan jumlah peserta program tersebut.
- Nyatakan jumlah perbelanjaan bagi melaksanakan program tersebut.
- Sejauhmanakah keberkesanan program tersebut?

**JAWAPAN:**

a) dan b)

Program Intervensi Awal Kanak-Kanak (*Early Intervention Programme - EIP*) merupakan satu inisiatif yang telah diwujudkan sejak tahun 2017. Dalam usaha mewujudkan masyarakat penyayang, Kerajaan Negeri mengambil langkah dengan menyediakan peruntukan sebanyak RM3 juta bagi menjayakan EIP khusus untuk kanak-kanak berkeperluan khas. Program ini akan menyediakan pendidikan dan pelbagai jenis terapi seperti *physiotherapy*, *occupational therapy*, *speech therapy* dan *hydrotherapy*.

Sehingga Oktober 2017, sebanyak 9 buah institusi telah menerima manfaat program ini dengan bantuan peruntukan seperti berikut:-

BIL	NAMA ORGANISASI / AGENSI	JUMLAH
1.	Pusat Asuhan Kanak-kanak Autisme Andra Uphill, Salak Tinggi, Sepang	RM50,000.00
2.	Pusat Pendidikan Khas Eden Firdaus Sdn. Bhd., Kota Damansara	RM100,000.00
3.	Inisiatif Sokongan Autisme Nouri Berhad (InSaNi), Taman Selayang Utama, Batu Caves	RM100,000.00
4.	The National Autism Society of Malaysia, Teluk Pulai, Klang	RM100,000.00
5.	The Olive Trees School (TOTS), Bukit Jelutong, Shah Alam	RM100,000.00

<b>BIL</b>	<b>NAMA ORGANISASI / AGENSI</b>	<b>JUMLAH</b>
6.	Persatuan Kanak-kanak Istimewa Kajang Selangor, Kajang	RM100,000.00
7.	Persatuan Kebajikan Anak-anak Istimewa Selangor (ORKIDS), Petaling Jaya	RM100,000.00
8.	Kiwanis Down Syndrome Foundation, Petaling Jaya	RM100,000.00
9.	Tadika Nadi Intelek, Denai Alam, Shah Alam	RM76,200.00
	<b>JUMLAH</b>	<b>RM826,200.00</b>

- c) Pemberian bantuan peruntukan dari Kerajaan Negeri ini telah banyak membantu institusi-institusi berkenaan dalam membiayai kos yuran pengajian, menampung pendidikan dan perkhidmatan terapi, membiayai kos penambahbaikan dan kos operasi, menaiktaraf kemudahan dan lain-lain.

Secara tidak langsung melalui pemberian bantuan ini, institusi berkenaan dapat menampung dan membuat penambahbaikan ke atas keperluan kanak-kanak istimewa dalam usaha memupuk dan membimbang mereka dalam meneruskan pembelajaran di bidang akademik, kehidupan seharian dan kemahiran sosialisasi diri serta perkembangan emosi.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. DATO' HAJI AMIRUDDIN BIN SETRO  
(N12 JERAM)**

**TAJUK : TANAH MILIK YAYASAN SELANGOR**

219. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan secara terperinci, lokasi, jumlah ekar dan nilai semua tanah milik Yayasan Selangor.
- b) Apakah pelan jangka masa panjang Kerajaan Negeri bagi membangunkan semua tanah-tanah berikut?

**JAWAPAN:**

- a) Senarai tanah hakmilik Yayasan Selangor Tahun 2017 adalah seperti di Lampiran A.

Sebahagian nilai tanah ini hanyalah anggaran yang dibuat berdasarkan nilai tanah kawasan berhampiran, lokasi, potensi tanah, pembangunan kawasan sekeliling dan perbincangan dengan Jabatan Perkhidmatan dan Pengurusan Harta (JPPH) setempat. Yayasan Selangor tidak melaksanakan perlantikan Jurunilai Profesional (Professional Valuer) untuk menilai kesemua tanah hakmiliknya kerana proses ini memerlukan kos yang amat besar

- b) Kerajaan Negeri dan Yayasan Selangor ketika ini sedang melaksanakan proses Request For Proposal (RFP) bagi mendapatkan cadangan terbaik untuk melaksanakan projek pembangunan secara usahasama atau pun penyewaan jangka panjang bagi pembangunan agro. Pembangunan ini dilaksanakan berdasarkan kepada permintaan pasaran, kesesuaian lokasi, dan potensi pulangan kepada Kerajaan Negeri dan Yayasan Selangor. Di samping itu juga, ia perlu merujuk kepada Rancangan Tempatan Daerah yang berkaitan.

**LAMPIRAN A**

<b>Bil</b>	<b>Lokasi</b>	<b>Daerah</b>	<b>Lot</b>	<b>Keluasan (Ekar)</b>	<b>Kategori Tanah</b>	<b>Anggaran Nilai (RM)</b>
1	Mukim Ulu Bernam (SKC)	Hulu Selangor	PT 2924	217.67	Pertanian	19.20 juta
2	Pulau Carey, Mukim Jugra	Kuala Langat	PT 88	91.30	Pertanian	5.04 juta
3	Pulau Carey, Mukim Jugra	Kuala Langat	PT 552 @ PT 3557	1,295.00	Pertanian	112.80 juta
4	Pulau Carey, Mukim Jugra	Kuala Langat	PT 358	44.50	Pertanian	0.97 juta
5	Pulau Carey, Mukim Jugra	Kuala Langat	PT 359	569.10	Pertanian	24.79 juta
6	Pulau Carey, Mukim Jugra	Kuala Langat	PT 647	1,126.80	Pertanian	24.55 juta
7	Pulau Carey, Mukim Jugra	Kuala Langat	PT 357	17.30	Pertanian	0.38 juta
8	Pulau Carey, Mukim Jugra	Kuala Langat	PT 679	10.50	Pertanian	0.46 juta
9	Kampung Pandan	Kuala Lumpur	Lot 20010, Lot 545	8.20	Bangunan /Institusi	107.15 juta
10	Dengkil,	Sepang	PT 39639	15.17	Bangunan /Institusi	5.00 juta
11	Serendah	Ulu Selangor	PT 20307-PT 20311	317.00	Pertanian	13.76 juta
12	Kuala Kubu Bharu	Hulu Selangor	PT712 Sek 15	13.52	Bangunan	14.00 juta
13	Kuala Kubu Bharu	Hulu Selangor	PT 100	2.80	Bangunan	3.66 juta
14	Kuala Kubu Bharu	Hulu Selangor	PT 103	27.25	Bangunan	35.61 juta
15	Kuala Kubu Bharu	Hulu Selangor	PT 104	5.00	Bangunan	6.53 juta
16	Mukim Hulu Yam	Hulu Selangor	PT 2727-2729	67.70	Bangunan	20.64 juta
17	Shah Alam	Petaling	PT 7	1.14	Bangunan	9.93 juta
18	Bukit Tinggi	Klang	PT 4254 Seksyen 29	1.02	Bangunan	4.44 juta
19	Bandar Klang	Klang	PT 4221	16.00	Bangunan	40.00 juta
			<b>JUMLAH</b>	<b>3,846.97</b>		<b>RM 428.27 juta</b>

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN LOH CHEE HENG  
(N52 TELOK DATOK)**

**TAJUK : STATUS PEMBINAAN LEBUHRAYA PANTAI BARAT (WEST COAST  
EXPRESSWAY) DI SELANGOR**

220. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Minta menyatakan status kerja Projek pembinaan Lebuhraya Pantai Barat (West Coast Expressway) di Seksyen 1 : Banting I/C - SKVE I/C ; Seksyen 2 : SKVE I/C - SAE I/C ; Seksyen 6 : Kapar I/C - Assam Jawa I/C dan Seksyen 7 : Assam Jawa I/C - Tanjung Karang I /C.
- b) Sila menyatakan butir-butir jumlah kos pembinaan untuk setiap seksyen tersebut, berapakah jumlah jejantas dibina dan masa untuk menyiapkan projek pembinaan?

**JAWAPAN:**

- a) Untuk makluman YB, Kerajaan Negeri dimaklumkan oleh Lembaga Lebuhraya Malaysia bahawa peratus kemajuan pembinaan jajaran lebuhraya yang terlibat di negeri Selangor sehingga September 2017 adalah sebanyak 22.44%. Kerja-kerja pembinaan telah dimulakan secara berperingkat bagi pembinaan WCE dan perkembangan terkini kerja-kerja pembinaan adalah seperti berikut:

SEKSYEN	KAWASAN	KETERANGAN KERJA	PERATUS
1	Banting – South Klang Valley Expressway (SKVE)	<b>Kerja Tanah</b> 1. Kerja-kerja menyelenggara laluan sementara dari kawasan rehat SKVE ke CH.18000 2. Kerja-kerja pengorekkan longkang tanah sementara di CH.19320 – CH.20140 (LHS & RHS) 3. Kerja-kerja menambak tanah di lapisan Embankment di CH.18660 – CH.18830 (LHS) (Lapisan ke-2) 4. Kerja-kerja menambak tanah di lapisan Embankment di CH.19720 – CH.20140 (RHS & LHS), CH19320 – CH.19700 (LHS) (Lapisan pertama)Kerja-	8.88%

SEKSYEN	KAWASAN	KETERANGAN KERJA	PERATUS
		<p>kerja membina pressure berm di CH.18240 – CH.18320</p> <p>5. Kerja-kerja pemotongan tanah (good earth) hingga ke aras rekabentuk (design level) di CH.25400 – CH.25600</p> <p>6. Kerja-kerja menambak tanah di lapisan Embankment di CH.25900 - CH.26200, CH.26300-CH.26700 &amp; CH.27500-CH.27700 (RHS) (Lapisan pertama)</p> <p><b><u>Kerja Geoteknikal</u></b></p> <p>1. Kerja-kerja menanam Prefabricated Vertical Drain (PVD) di CH.19680 – CH.19740 (LHS)</p> <p>2. Kerja Prefabricated Vertical Drain (PVD) di CH25700-26200 dan CH26300-26700 RHS</p> <p>3. Kerja penanaman Stone Column sedang di jalankan di CH.28080 – CH.28100</p> <p><b><u>Kerja Jambatan - Bridge S1-1 (Cross Over SKVE)</u></b></p> <p>1. Kerja penanaman cerucuk.</p> <p>2. Pier 19,20,21,22,23,24,25 &amp; Abutment B : 100% Completed</p> <p>3. Pile Embankment Abutment B : 4/84 (5% completed)</p> <p><b><u>Kerja Jambatan - Bridge S1-6 (Banting Interchange)</u></b></p> <p>1. Kerja penanaman cerucuk.</p> <p>a. Pier 1 : Siap 1/16 (6%)</p> <p>b. Pier 2 : Siap 1/16 (6%)</p> <p>c. Pier 3 : Siap 1/16 (6%)</p> <p>d. Abutment A : 1/16 (6%)</p>	
2	SKVE – KESAS	<p>1. Kerja membaik pulih jalan tanah dari CH 13+100 ke CH 13+600</p> <p>2. Kerja membina laluan sementara ke jambatan S2-2</p> <p>3. Pembinaan longkang tanah sementara dari CH 13+000 ke</p>	5.35%

SEKSYEN	KAWASAN	KETERANGAN KERJA	PERATUS
		CH 13+600 4. Kerja Pembinaan "Silt Trap" No. 14 5. Kerja pengorekan tanah gambut dari CH 13+060 to CH 13+040 6. Kerja penimbusan tanah dari CH 13+120 to CH 13+340	
6	Kapar – Assam Jawa	1. Pemotongan bukit di CH23600 – CH23400 2. Kerja – Kerja mengisi lapisan tanah untuk kawasan E&R di CH23670 – CH23760 (LHS) 3. Kerja – Kerja mengisi lapisan tanah untuk lapisan tambak di atas lapisan pasir PVD sepanjang CH22590 – CH22000 (RHS) 4. Kerja – kerja mengisi lapisan pasir yang kedua di atas platform PVD sepanjang CH22000 – CH21700 (RHS) 5. Kerja – kerja mengisi lapisan tanah untuk platform PVD sepanjang CH22590 – CH22000 (LHS) 6. Kerja – kerja mengisi lapisan pasir yang pertama untuk platform PVD sepanjang CH22590 – CH22200 (LHS) 7. Kerja – kerja pemasangan "PWD" sepanjang CH22590 – CH22420 (LHS) dan CH21060 – CH21070 (LHS). 8. Kerja – kerja peralatan dan pemantauan untuk RSG-64 di CH22500, DLD 9 di CH22250 dan DLD 10 di CH23110. 9. Kerja – kerja pengorekan longkang sementara sepanjang CH20500 – CH20100 (RHS)	7.41%
7	Assam Jawa – Tanjong Karang	Dalam proses reka bentuk dan pengambilan tanah. Kerja pembinaan belum dimulakan.	0%

- b) Butir-butir jumlah kos pembinaan untuk setiap seksyen, tempoh pembinaan dan jumlah jambatan adalah seperti berikut:

<b>SEKSYEN</b>	<b>KOS PEMBINAAN (JUTA)</b>	<b>TEMPOH PEMBINAAN (Bulan)</b>	<b>JAMBATAN</b>
1	RM 289	32	8
2	RM 184	31	3
6	RM 329	30	16
7	RM 695	42	20

Untuk makluman YB, setakat ini tiada skop pembinaan jejantas di Seksyen 1, Seksyen 2, Seksyen 6 dan Seksyen 7 bagi Lebuhraya WCE.